

# Nilai tambah mengkuang melalui reka bentuk

UTUSAN MALAYSIA

27/2/2017 p.20

**K**EMAHIRAN adalah suatu perkara yang boleh dipelajari dari satu generasi ke generasi berikutnya. Begitu juga dengan reka bentuk tradisional yang mempunyai pengaruh daripada alam semula jadi dan diterapkan dalam persekitaran masyarakat.

Sebagai usaha dan kesedaran untuk meneruskan kepakaran dan kemahiran menganyam, penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif memperkenalkan projek Transformasi, Inovasi, Konservasi dan Apresiasi Reka Bentuk (TIKAR) pada tahun lalu.

Dengan objektif untuk mengkomersialkan produk

mengkuang, projek berkenaan telah berjaya menonjolkan nilai tambah mengkuang dan seterusnya membawa satu transformasi kepada komuniti yang terlibat.

Ketua penyelidik projek berkenaan, **Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman** berkata, hasil usaha yang dijalankan itu, ia telah memberi impak kepada komuniti yang terlibat apabila berjaya menarik minat masyarakat khususnya penduduk Kampung Bentan, Pahang.

Jelasnya, projek komuniti itu juga bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan, seterusnya menjadikan ia

sebagai satu konservasi masyarakat tempatan untuk mengetengahkan kraf tangan hiliran dalam senario reka bentuk berasaskan mengkuang.

“Suatu ketika dahulu, masyarakat menganggap mengkuang hanya boleh dijadikan tikar dan dijadikan alas tempat duduk, tetapi menerusi projek ini, mereka dapat melihat dan menghasilkan kraf tradisional ini dalam skop yang lebih luas.


“Dalam masa yang sama juga, projek ini telah berjaya menghidupkan kembali kemahiran menganyam dan berjaya menarik minat generasi muda untuk meneruskan warisan tradisional yang bernilai ini,” katanya ketika ditemui di UPM, Serdang baru-baru ini.

Katanya, hasil daripada inisiatif itu, mereka telah mengenali pasti aspek-aspek yang perlu diberi lebih perhatian bagi menjadikan industri mengkuang mampu berkembang.

Contohnya, industri mengkuang perlu melalui inovasi yang lebih kreatif kerana mempunyai peluang pasaran yang cukup besar.

“Hasil seni kraf dan reka bentuk tempatan sememangnya mempunyai keistimewaan tersendiri. Apabila penggunaan aplikasi teknologi moden dan inovasi diterapkan, digabungkan dengan kaedah tradisional, ia akan melahirkan satu seni yang cukup unik dan mempunyai nilai estetika tersendiri,” ujarnya.

**MENKUNANG** diberi nilai tambah dengan menghasilkan pelbagai inovasi.



**DR. KHAIRUL AIDIL AZLIN ABD. RAHMAN** (kiri) menerajui program TIKAR bagi mengangkat martabat rekaan perabot dan hiasan dalaman menggunakan daun mengkuang.